

# Wajibkan pesalah vandalisme jalani khidmat masyarakat

B/HARIAN 11/1/15 MS 36

**Kuala Lumpur:** Kerajaan disaran menggubal Akta Vandalisme, yang memperuntukkan hukuman khidmat masyarakat diwajibkan ke atas pesalah.

Bagi pesalah tegar yang melakukan kesalahan berulang lebih tiga kali, hukuman rotan wajar dikenakan selain penjara sekurang-kurangnya setahun, seperti diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan.

Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata hukuman itu boleh dilaksanakan kerana Perakara 6 Perlembagaan Persekutuan yang melarang pekerjaan secara paksa sudah dipinda beberapa tahun lalu.

"Khidmat masyarakat bertujuan memanfaatkan masyarakat, yang menerima kesan akibat tindakan pelaku.

"Pesalah hendaklah melakukan khidmat masyarakat, mengikut bilangan jam yang akan ditentukan pihak berkuasa berkenaan.

"Bagi pesalah tegar, mereka harus menerima hukuman rotan, selain penjara minimum satu tahun sebagaimana diperuntukkan mengikut Kanun Keseksaan," katanya dalam satu kenyataan, kelmarin.

## Syor akta baharu

Lam Thye berkata, ada keperluan menyediakan undang-undang baharu bagi menangani masalah itu, dengan mewajibkan hukuman khidmat komuniti yang boleh menimbulkan rasa malu kepada pelaku, serta hukuman rotan kepada pesalah berulang.

Katanya, undang-undang kecil berkaitan vandalisme yang dikuatkuasakan pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak mencukupi dan efektif, bagi menangani masalah itu.

Ketika ini, pesalah boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan yang dipinda pada 2014.

Di bawah pindaan itu, pesalah yang menyebabkan kerugian bernilai RM25 ke atas, bo-

leh dipenjarakan antara satu tahun hingga lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Dalam perkembangan lain, Lam Thye berkata, masyarakat pelbagai etnik prihatin terhadap masa depan negara dan bersedia menjadi jambatan etnik, bukan hero kumpulan etnik masing-masing.

Beliau yang juga Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia berkata, Rukun Negara dan sejarah negara perlu didedahkan kepada setiap kaum, supaya mereka memahami dan menghormati hak, kepercayaan, amalan pelbagai latar belakang yang berbeza.

"Menjadi tanggungjawab kita menyemai dan mempromosikan lima prinsip Rukun Negara dan nilai positif dalam kalangan kanak-kanak, sehingga menjadi sinonim dengan masyarakat majmuk Malaysia.

"Toleransi dan sikap saling menghormati antara kumpulan etnik, seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

adalah kunci keamanan serta keharmonian berbilang kaum dan agama.

"Pada masa akan datang, penting bagi semua rakyat Malaysia untuk belajar mengenai kepentingan memelihara perpaduan, kerana negara kita boleh musnah jika tidak mengekalkan keharmonian antara kaum," katanya.

Lam Thye berkata, masyarakat perlu berusaha menjaga keamanan, keharmonian dan perpaduan serta menahan diri daripada perbuatan provokasi serta keganasan, yang boleh menimbulkan kekacauan.

"Pelbagai isu perkauman dan keagamaan dieksploitasi pihak tertentu demi kepentingan masing-masing, maka saya berharap masyarakat tidak membenarkan keharmonian diancam oleh polarisasi kaum.

"Pada 2019, lebih banyak usaha perlu dilaksanakan demi memupuk persefahaman lebih baik dan elakkan konflik disebabkan oleh kebencian kaum atau agama," katanya.